

Petua
**MEMBINA
RUMAH
MELAYU:**

*Dari Sudut
Etnis Antropologi*

089
RA

oleh:
ABDUL RAHMAN AL-AHMADI

Petua
MEMBINA
RUMAH
MELAYU

*Dari Sudut
Etnis Antropologi*

oleh
ABDUL RAHMAN AL-AHMADI

Perpustakaan Negara Malaysia

Kuala Lumpur

2000

PUSTAKA PERDANA



1004972

Kandungan

Prakata	xi
Pendahuluan	xiii

Bab 1

Transliterasi

Manuskrip MSS 741	1
Manuskrip MSS 2001	12
Manuskrip MSS 1415	13
Manuskrip MSS 1521	14
Manuskrip MSS 1849	17
Tajul Muluk	19
Kitab Abu Ma'syar al-Falaki	37

Bab 2

Huraian

Isi Transliterasi	39
Petua Membina Rumah	44
Musim Menanam Padi	76

Bab 3

Rumah dari sudut etnis antropologi

Rumah Malaysia	90
Rumah di Indonesia	107
Rumah di Filipina Selatan	178
Rumah di Thailand Selatan	180
Rumah di Campa, Vietnam Selatan	183
Rumah di Brunei Darussalam	190

Bab 4

Kesimpulan	197
Glosari	209
Bibliografi	211
Indeks	215

Prakata

Saya mengucapkan syukur kepada Allah s.w.t. kerana dengan izinNya usaha Perpustakaan Negara Malaysia menerbitkan buku berjudul *Petua Membina Rumah Melayu: dari sudut etnis antropologi* dapat dilaksanakan.

Buku ini merupakan terbitan yang keempat diterbitkan di bawah program penulisan Mualim Tamu. Program ini bermula sejak tahun 1993 bertujuan untuk memartabatkan manuskrip Melayu sebagai warisan dokumen negara yang penting dipulihara, seterusnya dapat melestarikan ilmu yang terkandung di dalamnya kepada masyarakat.

Buku seni bina rumah tradisional masyarakat Melayu telah banyak diterbitkan yang menjurus kepada aspek teknologi dan seni bina. Berbeza dengan buku *Petua Membina Rumah Melayu: dari sudut etnis antropologi* ini kerana ianya mengkaji pembinaan rumah masyarakat rumpun Melayu dari sudut antropologi yang mencakupi sempadan yang amat luas di seluruh alam Melayu. Kajian yang di jalankan adalah berdasarkan kepada lima naskhah manuskrip mengenai petua membina rumah Melayu koleksi Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia. Buku ini memaparkan pengaruh adat resam, alam semesta, kepercayaan agama dan animisme dalam pembinaan sebuah rumah Melayu dari mula ia dirancang untuk dibina sehingga berdiri tegaknya rumah itu.

Terbitnya buku ini adalah hasil kajian yang dibuat oleh Drs Abdul Rahman Al-Ahmadi yang telah dilantik sebagai Mualim Tamu keempat Perpustakaan Negara Malaysia dari 13 November 1997 hingga 12 November 1998. Berkat usaha gigih dan semangat kental beliau yang dapat menghayati segala yang tersirat di dalam manuskrip berkaitan petua-petua masyarakat Melayu silam telah berjaya menghasilkan terbitan ini untuk tatapan masyarakat kini.

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada Drs Abdul Rahman Al-Ahmadi yang telah dilantik sebagai Mualim Tamu kali kedua diatas kesungguhan beliau menjalankan kajian dan penyelidikan di dalam satu bidang perkara yang luar dari lazimnya bagi pengajian manuskrip Melayu. Ucapan terima kasih juga

ditujukan kepada warga Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia yang telah bertindak sebagai urusetia penerbitan buku ini.

Sekian. Wassalam.

SHAHAR BANUN JAAFAR
Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara Malaysia